

TARIKH	RABU, 5 JUN 2024
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	BEKERJA SAMPAI SAKIT
M/S	1 – 2
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	PENSION

# Bekerja sampai sakit

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**  
aiman.asrol@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Sebanyak 26.1 peratus rakyat Malaysia berumur 60 tahun ke atas dijangka terus bekerja sehingga menghadapi masalah kesihatan ekoran terpaksa mencari wang untuk memenuhi keperluan di hari tua.

Penemuan itu hasil tinjauan terbaharu oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ke atas para pencarum.

Mendedahkan perkara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kumpulan warga emas tersebut terpaksa bekerja ekoran menghadapi cabaran dalam mencapai sekuriti pendapatan bagi menyara keperluan selepas pencen.

Menurut beliau, hanya 29 peratus

26 peratus rakyat Malaysia berumur lebih 60 tahun terpaksa terus cari nafkah biarpun alami masalah kesihatan

rakyat Malaysia mempunyai pencen atau kewangan yang cukup semasa bersara dan ia menjadikan kumpulan warga emas lebih terdedah kepada kemiskinan berbanding purata rakyat Malaysia.

“Maklumat daripada KWSP menunjukkan satu dalam empat pencarumnya menghabiskan simpanan mereka dalam tempoh lima tahun selepas mencapai umur pengeluaran.

“Ini sekali gus akan menyebabkan ramai rakyat tidak dapat mengekalkan taraf hidup yang munasabah semasa persaraan atau menguruskan risiko untuk masa panjang,” katanya berucap pada Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa KWSP 2024 di sini, semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, rangka kerja pencen di Malaysia perlu direformasi bagi memastikan generasi akan datang dapat menghadapi hari tua dengan bermaruah, selain menyumbang secara positif kepada pertumbuhan ekonomi jangka panjang.

Ini kerana katanya, Malaysia dijangka beralih kepada negara tua dalam tempoh 23 tahun akan datang dengan 14 peratus populasinya berumur 65 tahun ke atas.

**Bersambung di muka 2**



# Bekerja sampai sakit

**Dari muka 1**

“Penyelesaian baharu diperlukan untuk memastikan tidak ada sesiapa yang akan ketinggalan dan setiap lapisan masyarakat akan mendapat manfaat daripada perlindungan sosial.

“Perlindungan KWSP perlu diperluas secara berperingkat supaya lebih ramai penduduk yang bekerja akan menjadi sebahagian daripada ekosistemnya. Ini memastikan lebih ramai rakyat akan dapat mengumpul simpanan persaraan mencukupi untuk hari tua mereka,” jelasnya.

Anwar turut memberi jaminan bahawa Kerajaan Perpaduan sentiasa komited untuk memastikan kesejahteraan warga emas di Malaysia dengan meluaskan payung perlindungan sosial untuk melindungi semua rakyat terutama daripada keadaan luar jangka.

“Sehubungan itu, kerajaan bercadang untuk mengukuhkan dua tonggak perlindungan sosial. Untuk bantuan sosial,

kerajaan akan memperkasakan lagi program bantuan untuk menyediakan sokongan dan jaringan keselamatan untuk rakyat yang menghadapi masalah kewangan.

“Untuk memacu pasaran buruh, kerajaan akan terus mengukuhkan inisiatif latihan, bantuan untuk penganggur dan program lain yang dapat membantu rakyat ke dalam pekerjaan bagi meningkatkan taraf hidup mereka,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi KWSP, Tan Sri Ahmad Badri Mohd. Zahir memberitahu, hampir empat juta pekerja bukan formal di negara ini dijangka berhadapan risiko kemiskinan pada hari tua disebabkan kekurangan caruman mandatori.

Untuk itu katanya, KWSP sedang meneroka inovasi baharu untuk menampung keperluan sektor berkenaan bagi meluaskan lagi perlindungan sosial, sejajar dengan matlamat Ekonomi Madani.

“Penting untuk menyedari bahawa KWSP hanyalah seba-

hagian daripada landskap pen-  
cen yang lebih luas dan kurang  
ketara kekal dalam sistem pen-  
cen negara, sedangkan rangka  
kerja pendapatan persaraan  
yang komprehensif memerlukan  
pelbagai program.

“Ia untuk menyediakan pen-  
dapatan berlapis dan liputan  
yang luas seperti di Jerman,  
Finland dan Korea Selatan, di  
mana ia terus dipertingkatkan  
untuk memenuhi keperluan  
rakyat yang semakin berkem-  
bang,” katanya.

Laporan KWSP sebelum ini  
menyatakan terdapat 0.65 juta  
ahlinya berumur 60 hingga  
64 tahun dengan simpanan  
RM76.74 bilion, manakala pu-  
rata simpanan RM118,779 dan  
median simpanan RM8,122.

Selain itu terdapat 1.07 juta  
ahli berumur 65 tahun dan ke-  
atas dengan simpanan berjum-  
lah RM79.92 bilion, purata sim-  
panan RM74,157 dan median  
simpanan RM2,400.

KWSP mempunyai lebih  
16 juta ahli dengan ahli aktif  
sebanyak 8.52 juta setakat Di-  
seMBER 2023.



**ANWAR Ibrahim merasmikan Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa KWSP 2024 di Renaissance Hotel, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF**

DISEDIKAN  
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM